	Institut Teknologi Maju	Nombor Dokumen :	Halaman : 1 drp 2
		UPM/ITMA/GP/P006/01	No. Semakan : 00
GARIS PANDUAN KEBAKARAN			Tarikh : 16/06/2008

1.0 TUJUAN


Garis panduan ini bertujuan untuk menerangkan langkah pencegahan dan tindakan semasa berlaku kebakaran.

2.0 PANDUAN PENCEGAHAN KEBAKARAN

- 2.1 Mengadakan peraturan dan langkah-langkah keselamatan semasa berada dalam makmal dan pejabat.
- 2.2 Menyedia dan mempamerkan pelan laluan kecemasan semasa berlaku kebakaran di setiap laborator, pejabat dan tempat yang sesuai.
- 2.3 Mengadakan audit keselamatan secara berkala sekurang-kurangnya dua (2) kali setahun.
- 2.4 Melantik Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.
- 2.5 Melantik pasukan tindakan kecemasan.
- 2.6 Mengenalpasti makmal-makmal yang berpotensi tinggi berlaku kebakaran dengan meletakkan label bagi bahan yang mudah terbakar.
- 2.7 Mengadakan ceramah, latihan kebakaran kepada semua staf, penyelidik dan pelajar .
- 2.8 Menghantar staf menghadiri kursus pencegahan kebakaran.
- 2.9 Alat pemadam api diletakkan di tempat yang mudah dicapai dan memastikan ia tidak melebihi tarikh luput.

3.0 PANDUAN SEMASA BERLAKU KEBAKARAN

- 3.1 Jika api kecil
 - a) Padamkan saja dengan pemadam api.
 - b) Pakai pakaian perlindungan yang sesuai bila perlu.
 - c) Elakkan daripada menyedut asap atau wasap.
- 3.2 Jika kebakaran diperingkat mencemaskan (api besar)
 - a) Bunyikan loceng amaran kebakaran.
 - b) Maklumkan kepada jiran terdekat supaya mengosongkan bangunan.
 - c) Tolong mangsa kebakaran jika selamat berbuat demikian.
 - d) Hubungi Jabatan Bomba atau Pusat Kawalan Kebakaran.
 - e) Keluar dari bangunan dan berkumpul di tempat yang selamat.

	Institut Teknologi Maju	Nombor Dokumen :	Halaman : 2 drp 2
		UPM/ITMA/GP/P006/01	No. Semakan : 00
	GARIS PANDUAN KEBAKARAN		

- 3.3 Tindakan apabila mendengar loceng kebakaran
- a) Tutup semua suis alat elektrik
 - b) Tutup tingkap dan semua pintu
 - c) Keluar ikut tangga atau tangga keselamatan, **jangan guna lif.**
 - d) Jangan berpatah balik atau tolok menolak ketika menuruni tangga.
 - e) Berkumpul di tempat yang selamat (*Assembly Point*).
- 3.4 Tindakan jika terperangkap dalam asap.
- a) Bertenang dan cuba mencari jalan keluar.
 - b) Jika tidak, cari tingkap dan beri isyarat untuk bantuan dari luar.
 - c) Jika tidak dapat melihat kerana asap tebal, gunakan kemahiran atau ingatan untuk mencari jalan/lorong untuk sampai ke tangga keselamatan.